

Tindakan tegas peniaga jajan luar sekolah

Ketika jarum jam menunjukkan waktu 1 tengah hari, kedengaran loceng menandakan tamatnya waktu persekolahan, disusuli murid yang berpusu-pusu keluar sebaik pengawal keselamatan membuka pintu pagar sekolah.

Kebanyakannya, termasuk anak saya sendiri bukannya mendapatkan ibu bapa yang menunggu, sebaliknya meluru ke arah beberapa peniaga makanan ringan atau jajan di luar pagar sekolah.

Pelik juga melihat peniaga ini bebas menjual makanan dan minuman yang kebanyakannya tinggi kandungan gula seperti ais-krim, minuman berkarbonat, sosej dan pelbagai snek lain. Ada yang lebih berani menjual makanan kepada murid melalui pagar sekolah.

Kebanyakan peniaga ini menggunakan motosikal dan membuka meja, aktif menunggu sejam lebih awal sebelum tamat sesi persekolahan sehinggalah sekolah lenggang, sebelum beransur pulang.

Mungkinkah mereka ini boleh 'terlepas' kerana menjual jajan di luar pagar sekolah?



Badrul Hizar Ab Jabar
bhizar@bh.com.my

Persoalannya, sejauh mana ibu bapa mengawal makanan dibelikan anak mereka dan apakah pihak berkuasa memantau keadaan ini untuk memastikan pelajar sekolah mengambil makanan berkhasiat untuk tumbesaran mereka?

Kaut untung besar

Bagi peniaga, mereka tidak akan mudah menghentikan aktiviti menjual kerana berupaya mengaut keuntungan besar serta tidak perlu mencari pelanggan disebabkan kegemaran kanak-kanak terhadap makanan dan minuman ringan amat tinggi.

Tidak dinafikan, ada ibu bapa menyediakan bekalan untuk anak masing-masing, namun ramai yang tetap berbelanja termasuk selepas tamat waktu sekolah.

Sebenarnya, masalah peniaga yang menjual makanan ringan atau jajan di luar pagar sekolah bukanlah isu baharu, dan kerajaan sendiri berusaha menanganinya bagi menjaga kesihatan kanak-kanak.

Boleh dikatakan, isu ini sudah berputih tahun berlarutan. Laporan demi laporan didedahkan akhbar, namun sehingga kini ia masih belum menemui titik noktah dan jalan penyelesaian.

Berniaga di luar sekolah sebenarnya tidak dibenarkan atas beberapa faktor dan ia sebenarnya bukan untuk menutup pintu rezeki peniaga.

Pertamanya, faktor kebersihan yang diragui, manakala kedua, faktor makanan berkhasiat seperti diperjuangkan Kementerian Kesihatan.

Rasanya, hampir keseluruhan makanan dijual di luar kawasan sekolah termasuk dalam kategori makanan yang akan dilarang dijual di kantin sekolah.

Faktor ketiga, membabitkan soal keselamatan. Contohnya tepi jalan raya amat berbahaya kepada murid yang sedang membeli

dan juga lalu-lalang. Akhir sekali, ia juga satu daripada faktor menyebabkan kesakan jalan raya.

Mengambil kira empat faktor itu, maka amat perlu operasi peniaga dan peniaga yang menjual makanan tidak sihat di luar kawasan sekolah dibanteras bagi menangani masalah obesiti serta diabetes dalam kalangan pelajar.

Tindakan ini perlulah berterusan, bukannya bermusim atau menunggu berita terpampang di akhbar.

Tangani masalah obesiti

Kerajaan pula diminta bertegas melarang peniaga dan peniaga makanan tidak sihat yang boleh menjejaskan kesihatan pelajar beroperasi di luar kawasan berhampiran sekolah, jika benar-benar serius mahu menangani masalah pemakanan yang boleh menyebabkan obesiti dan diabetes yang berpunca daripada amalan pemakanan tidak sihat.

Kegiatan peniaga ini harus diberi perhatian serius dan ditangani dengan tegas, bukan hanya fo-

kus atau menyalahkan kantin sekolah.

Diharap Kementerian berkaitan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat mengempur habishabisan kerana pihak sekolah tidak boleh mengambil tindakan terhadap peniaga di luar sekolah.

Langkah diambil pihak berwajib untuk mengempur peniaga jajan yang tidak memiliki lesen dan mengganggu lalu lintas serta berniaga di luar kawasan sekolah, haruslah dipuji kerana ada Undang-Undang Kecil Peniaga bagi PBT masing-masing.

Namun, untuk mengawal kecenderungan pemakanan sesorang individu, terutama kanak-kanak dengan undang-undang adalah mustahil sedangkan makanan yang diketahui dan ditakrifkan tidak sihat itu masih lagi dijual dan boleh didapati di pasaran dengan mudah.

Seperti juga rokok, biarpun berjuta ringgit dihabiskan untuk kempen antimerokok, sudah pasti kurang berkesan sekiranya ia masih mudah didapati di pasaran.

Memupuk kesedaran adalah sesuatu yang sangat subjektif.